

Qalam

KDN 3036.

Shawwal 1387

Januari 1968

Bilangan 207

60 sen.

Bismi Allāhi al-Rahmani al-Rahīm

Kita di Ibu Kota Malaysia

Dengan nama Allah yang Amat Pemurah lagi

Amat Mengasihani, kita mulakan rencana ini sebagai rencana yang pertama bagi majalah ini diterbitkan di ibu kota Malaysia sesudah ia diterbitkan pada bulan Ogos 1950 hingga bulan September 1967 di Singapura ertinya sesudah 17 tahun diterbitkan di Pulau Singapura, yang dahulunya berkeadaan sebagai sebuah koloni (tanah jajahan) kemudian bercantum dengan Malaysia dan sekarang berkerajaan sendiri, di bawah pemerintahan kerajaan PETIR.

Dengan sempena penerbitan yang pertama di ibu kota ini pula berbetulan dalam masa menyambut tahun 1968 yang berserta dengan sambutan Hari Raya Aidil Fitri. Dengan itu adalah kita (pihak Penerbit, Jabatan Karang-mengarang dan kakitangan Qalam) mengucapkan Selamat Hari Raya kepada pembaca-pembaca – *Min al-‘Ā'idīn al-Fā'izīn al-Maqbūlīn.*

Di dalam masa 17 tahun Qalam berjalan banyak perkara yang dihadapinya terutamanya dengan peralihan-peralihan pemerintahan itu kerana “setiap air pasang dua tiga tepian beralih”. Di dalam peralihan yang demikian tentunya sebuah majalah yang didasarkan perdirinya kepada kesucian

agama Islam sangat payah meluaskan perdirinya – terutamanya di dalam banyak perkara yang berubah dan beralih yang tidak dapat dipertahankan oleh masyarakat itu sendiri.

Peralihan yang begitu deras, terutamanya pengaruh-pengaruh atau anasir-anasir yang cuba dan dibawa oleh golongan-golongan itu sangat-sangat mempengaruhi pemuda-pemuda Islam dan masyarakatnya terutamanya pula pemuda-pemuda itu lekas sekali terbawa-bawa oleh pengaruh dari luar yang datangnya umpama air bah dari gunung yang tidak dapat ditahan-tahan bukan sahaja oleh pokok-pokok yang kecil tetapi juga oleh pokok-pokok yang besar yang sama-sama hanyut dikecualikan beberapa pokok yang kuat akarnya – tidak dapat dibawa hanyut oleh arus itu.

Di dalam usaha-usaha inilah Qalam terus menerus cuba bertahan sehingga dengannya ia menerima beberapa percubaan dan dugaan yang hebat sama ada di dalam masalah yang mengenai perkembangan siasah di dalam negeri, perkara-perkara hukum-hukum agama yang hendak dipersesuaikan dengan nafsu atau pun di dalam perkara-perkara dasar agama yang mengenai hubungannya dengan perdirian sesebuah kerajaan terhadap penganut-penganut Islam, saudara-saudara umat Islam yang diperkosa dan dianiayai oleh kerajaan-kerajaan negara itu (di dalam negara *international*).

Tidak payah kita menyebutkan satu persatu tentang apa yang kita telah mengambil bahagian di dalam membela agama dan kehormatannya. Ini semuanya kita jalankan dalam masa yang lalu semata-mata untuk mempertahankan kesucian Islam.

Akibat daripada peristiwa-peristiwa yang terjadi menyebabkan pernah kita diugut untuk diharamkan penerbitan dan percetakannya, kerana mendirikan hak-hak Islam. Tetapi dengan ketabahan yang kita jalankan dan kerana ulasan dan

bidasan kita semata-mata mendirikan hak-hak maka yang hak itu tidak dapat menjadi batil dan tidak dapat dirobahkan sekalipun kita menerima berbagai-bagai hal yang tidak menyenangkan.

Bagaimana kuatnya tindak tanduk kita menghadapi urusan “kecerobohan” terhadap peraturan dan hukum-hukum bermasyarakat Islam di Singapura tentunya tidak tersembunyi bagaimana kita membelanya dan dengan ini jelas tidak menyenangkan kerajaan Singapura dan ini jelas apabila kita berpindah maka majalah Qalam “diharamkan” untuk dibahagi di Republik Singapura – ertinya majalah Qalam tidak boleh dibawa masuk, dijual dan diedarkan di Singapura lagi dari sekarang.

Sekarang kita berada di ibu kota Malaysia. Kita mengucapkan syukur dan terima kasih atas kemurahan pemerintah yang memberikan kemudahan-kemudahan kepada kita berada di sini. Ini mungkin, sebagai sebuah usaha Bumiputera yang tidak betah lagi duduk di Negeri Selat melangkah menerima seruan Tengku tatkala mengisytiharkan “pemecatan” atas Singapura dahulu bahawa sesiapa daripada Bumiputera yang tak betah di Selat itu dipelawa berpindah ke Tanah Besar. Inilah yang menarik dan memberanikan kita “berhijrah” ke tanah yang agamanya agama Islam sebagai agama rasmi. Semoga Allah memberi kita pertunjuk dapat kita mensesuaikan diri dan keadaan, membuat khidmat-khidmat yang berfaedah kepada agama, nusa dan bangsa.

Kita berharap kita dapat menunjukkan bahawa kita adalah sentiasa berkhidmat dengan tujuan dan cita-cita yang baik; dan bercita-cita meneruskan khidmat-khidmat yang lalu yang diharap akan mungkin bertambah besar lagi. Mudah-mudahan Allah memberi kita